



03 NOV, 2021

MTeX'21 platform bangunkan 45 peratus pekerja mahir 2030



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MTeX'21 platform bangunkan 45 peratus pekerja mahir 2030

BATU PAHAT: Program MBOT Technology & Innovation Expo 2021 (MTeX'21) anjuran Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan antara platform bagi negara membangunkan 45 peratus tahap pekerja berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata program berkonsepkan pertandingan melibatkan pelajar tahun akhir buat julung kali itu, mampu menyuntik semangat pelajar institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan produk berasaskan teknologi dan inovasi.

“Sasaran kita kepada pelajar tahun akhir yang benar-benar berupaya dalam penyenaraian MBOT, ini kerana dalam MBOT ada taraf Teknologis Profesional (Ts) dan Juruteknik Bertauliah (Tc). Ini pengiktirafan untuk mereka sekali gus meningkatkan

keupayaan ke Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

“Ini juga merupakan antara usaha untuk meningkatkan keupayaan teknologis dan juruteknik yang sebelum ini berada pada tahap industri yang mungkin lebih konvensional atau tradisional kepada yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa,” katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran MTeX'21 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Menurut beliau, setakat ini, peratusan pekerja berkehiraan tinggi di Malaysia ialah pada kadar 28.6 peratus.

Dr Adham berharap semua pihak dapat berganding bahu memastikan tahap kemahiran teknologis dan juruteknik di negara ini selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) Negara, sekali gus dapat memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing.

MTeX'21 yang bermula sejak 25 Okt hingga 28 Feb 2022 mempertandingkan tiga kategori iaitu pelajar tahun akhir program teknologi dan teknikal diploma, ijazah sarjana muda dan ahli profesional MBOT dengan hadiah keseluruhan bernilai RM30,000.

Mengulas mengenai khidmat pakar penyelidik vaksin di universiti yang tamat tempoh akan disambung kontrak, beliau berkata kementeriannya menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sekali gus membolehkan Malaysia membangunkan vaksin keluaran negara pada masa akan datang.

“Kita akan mulakan pembangunan fasa I(a) di United Kingdom pada Februari 2022 dan akan berakhir pada 2023 sebelum fasa pengkomersialan yang dijangka dalam masa dua hingga tiga tahun,” katanya. — Bernama



03 NOV, 2021

MTeX'21 platform bangunkan 45 peratus pekerja mahir 2030

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

BATU PAHAT: Program MBOT Technology & Innovation Expo 2021 (MTeX'21) anjuran Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan antara platform bagi negara membangunkan 45 peratus tahap pekerja berkemahiran tinggi menjelang 2030. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata program berkonsepkan pertandingan melibatkan pelajar tahun akhir buat julung kali itu, mampu menyuntik semangat pelajar institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan produk berasaskan teknologi dan inovasi.